


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



PERSEDIAAN DIRI SEBELUM MELAKUKAN  
RESITAL VIOLIN  
KES STUDY RESITAL MUSTAPA FUZEK NAWI  
DAN MAYYA MUSNEVA

MOHD AMIN BIN MOHAMMAD HANAFIAH  
2005669161

TESIS INI DITEMUKAKAN BARI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
DAZAH SARIANA MUDA SENI MUZIK PERSEKUTUAN (KEPUJIAN)

FAKULTI MUZIK

NOVEMBER 2007

## **PENGAKUAN**

**“SAYA AKUI KARYA INI ADALAH HASIL KERJA SENDIRI  
KECUALI NUKILAN-NUKILAN DAN RINGKASAN-RINGKASAN  
YANG TIAP-TIAP SATUNYA TELAH SAYA JELASKAN  
SUMBERNYA”**

**TARIKH:14 NOV 2007**

**MOHD AMIN B. MOHAMMAD  
HANAFIAH  
2005669151**

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Salam serta selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya saya telah berjaya menyiapkan tugas yang diberikan ini dengan sempurna walaupun terpaksa menghadapi pelbagai dugaan dan kesukaran sewaktu melaksanakannya. Dikesempatan ini, ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung.

Penghargaan yang pertama saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya, Mohammad Hanafiah b. Ahmat dan Kamariah bt. Abd Hamid yang telah banyak memberikan dorongan dan bantuan bukan sahaja dalam melaksanakan projek ini, malah disepanjang pengajian saya di sini. Mereka telah banyak memberikan pengorbanan yang besar kepada saya tanpa mengira penat dan jemu.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Drs Yoesbar Djaelani, selaku penasihat saya yang selalu memberi bantuan juga dorongan sepanjang membuat tesis ini. Tidak lupa juga kepada Dr. Valerie dan Encik Radzali Mustaffa yang juga banyak memberi pendapat dan panduan kepada saya.

Ucapan terima kasih seterusnya khas ditujukan kepada Encik Mustafa Fuzer b. Nawawi dan Mayya Musaeva yang merupakan tokoh-tokoh violin yang ditemuramah di dalam kajian ini. Mereka merupakan tunjang kepada kejayaan menyiapkan projek ini kerana dengan segala ilmu, dan pengalaman yang telah diberikan, mudahlah bagi saya untuk melaksanakan projek ini.

Seterusnya kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa bersama-sama sepanjang kuliah ini juga diucapkan ribuan penghargaan. Mereka telah banyak memberikan bantuan dan dorongan dalam melaksanakan kajian ini. Tanpa mereka juga, penyelidikan ini pasti tidak sempurna dan tidak bermakna.

Akhir sekali kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung diucapkan ribuan terima kasih di atas segala bantuan, dorongan, dan kerjasama sepanjang melaksanakan tesis ini.

## ABSTRAK

Resital ini merupakan satu aspek yang sangat kritikal dan mana-mana sahaja pemuzik sama ada yang sudahpun bertaraf professional, semi-professional, amatir mahupun golongan pelajar muzik akan mengambil serius perkara ini. Bukan sahaja yang mendengar ataupun yang menonton serta menyaksikan resital ini malah bagi resitalis itu sendiri, resital ini merupakan platform bagi mereka untuk membuktikan kemampuan bermuzik sebenar diri mereka di samping pada masa yang sama memenuhi ekspektasi semua yang hadir menyaksikannya. Jadi, untuk memastikan keberjayaan seseorang resitalis ini, bukan sahaja keadaan semasa ketika berada di atas pentas membuat persembahan sahaja yang seharusnya menjadi fokus utama malahan seharusnya kualiti persediaan seseorang resitalis itu yang sewajibnya berada pada tahap optimum. Selain itu, jika perlu, usaha yang dijalankan bagi memastikan kesempurnaan kesemua elemen yang berada di bawah lembayung muzikaliti itu sendiri adalah wajar digandakan secara ekstrim dan jauh secara begitu ekstensif.

Jadi, apabila kita ingin mengutarakan soal persediaan sebelum melakukan sesebuah resital, seseorang resitalis itu sendiri haruslah terlebih dahulu tahu apa yang seharusnya dilakukan, dalam erti kata persediaan yang bagaimana yang harus dibuat. Seharusnya juga persediaan itu boleh memastikan seseorang resitalis itu mempunyai bekalan yang cukup untuk dibawa 'berjuang' di atas pentas ketika hari sebenar persembahan. Lebih-lebih lagi bagi mereka yang mengambil program yang berorientasikan muzik persembahan, resital ini akan membuat mereka membuktikan penat jerih, pengorbanan serta usaha keras mereka berbaloi ataupun tidak.

Resital itu sendiri berbeza-beza mengikut pengelasan dan boleh diklasifikasikan kepada beberapa pecahan tertentu. Isi kandungan resital itu sendiri boleh sahaja diwarnakan dengan variasi persembahan yang pelbagai. Bila menyebut perkara resital violin pula, sudah pastinya gambaran di dalam minda akan terarah kepada instrumetalis violin yang memainkan karya-karya yang boleh menonjolkan kehebatan bermuzik mereka. Tapi, tidak semestinya secara solo semata-mata, terdapat juga *violinis* yang turut sama ingin memperlihatkan kemampuan bermain secara berkumpulan seperti di dalam *quartet*.

# ISI KANDUNGAN

Muka Surat

<i>TAJUK</i>	<i>i</i>
<i>PENGESAHAN</i>	<i>ii</i>
<i>PENGAJUAN</i>	<i>iii</i>
<i>PENGHARGAAN</i>	<i>iv</i>
<i>ABSTRAK</i>	<i>v</i>
<i>ISI KANDUNGAN</i>	<i>vi</i>

## **BAB 1**

### **1.0 PENGENALAN**

1.1	Latar Belakang	1
1.2	Permasalahan	1
1.3	Tujuan dan Alasan	2
1.4	Skop Kajian	3
1.5	Kaedah Kajian	3
1.6	Organisasi Bab	4

## **BAB 2**

### **2.0 ASPEK YANG MEMPENGARUHI PERSEDIAAN DIRI EBELUM MELAKUKAN RESITAL**

2.1	Kesihatan	
2.1.1	Kesihatan Fizikal	6
2.1.2	Kecerdasan Fizikal	6
2.1.3	Kesihatan Mental	7
2.1.4	Latihan Mental	9
2.2	Perancangan Persembahan	10
2.3	Perkembangan Persembahan	11
2.4	Teori Teknik Alexender	12